

SET – 4

Series : TYM

Code No. 19

Roll No.

--	--	--	--	--	--	--	--

Candidates must write the Code on the title page of the answer-book.

- Please check that this question paper contains **16** printed pages.
- Code number given on the right hand side of the question paper should be written on the title page of the answer-book by the candidate.
- Please check that this question paper contains **15** questions.
- **Please write down the Serial Number of the question before attempting it.**
- 15 minute time has been allotted to read this question paper. The question paper will be distributed at 10.15 a.m. From 10.15 a.m. to 10.30 a.m., the students will read the question paper only and will not write any answer on the answer-book during this period.

## BAHASA MELAYU

*Time allowed : 3 hours*

*Maximum Marks : 80*

*Masa : 3 jam*

*Markah : 80*

### **General Instruction :**

*The question paper will be divided into **four** sections :*

- (1) *Section – A : **Reading Comprehension** – 15 Marks*
- (2) *Section – B : **Writing** – 25 Marks*
- (3) *Section – C : **Grammar** – 15 Marks*
- (4) *Section – D : **Literature** – 25 Marks*

### **JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU**

### **ARAHAN :**

- (1) Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian, iaitu **Bahagian A, B, C, dan D.**
- (2) **Bahagian A** terdiri daripada **Soalan 1** yang mengandungi **tiga** bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii).** Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.
- (3) **Bahagian B** terdiri daripada **Soalan 2** yang mengandungi tiga bahagian, iaitu **(i), (ii), dan (iii).** Anda diwajibkan untuk menjawab semua bahagian tersebut.

- (4) **Bahagian C** terdiri daripada **Soalan 3, 4, dan 5** yang mengandungi 15 soalan tatabahasa. Jawab semua soalan.
- (5) **Bahagian D** terdiri daripada **Soalan 6, 7, 8, dan 9**. Semua soalan dalam bahagian ini ialah soalan KOMSAS. Anda diwajibkan untuk menjawab semua soalan.
- (6) Anda dinasihati supaya mengambil masa untuk menjawab soalan **Bahagian A (50 minit), B (40 minit), C (40 minit), dan D (30 minit)**.
- (7) Anda dikehendaki menulis jawapan dalam kertas jawapan yang telah disediakan.
- (8) Anda diberi masa 15 minit untuk membaca kertas soalan. Anda **tidak** dibenarkan menulis atau membuat sebarang catatan dalam tempoh tersebut.
- (9) Kertas soalan ini mengandungi **14 halaman** bercetak sahaja.

### Bahagian A

[15 Markah]

#### SOALAN 1

- (i) **Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya.**

(5 Markah)

Penggunaan hiasan kepala daripada sumber flora, termasuklah bunga, dedaun dan rotan, serta fauna seperti kulit, gigi, dan bulu binatang telah mewujudkan tradisi pemakaian yang unik. Kini, reka bentuk hiasan kepala seperti lilitan, serkup, dan topi menjadi pilihan serta berkait rapat dengan sesebuah bangsa. Penggunaan bahan, seperti perak, emas, dan permata menjadikan hiasan kepala digemari sehingga menjadi pemakaian harian dalam kehidupan.

Ciri utama dalam hiasan kepala ini dapat dikenal pasti melalui ikatan, lipatan, dan sulaman yang mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Dalam hal ini, hiasan kepala mencerminkan kelembutan dan jati diri masyarakat melalui gabungan penghayatan perasaan, pemikiran dan kelakuan. Secara umumnya, hiasan dan pakaian ini merangkumi kegunaan dalam aktiviti harian, pelengkap pakaian, amalan keagamaan, serta adat istiadat yang menjadi amalan serta sosiobudaya yang digunakan dan diterima pakai dalam komuniti di Malaysia.

Dalam pemakaian tradisional, hiasan kepala merupakan amalan masyarakat terdahulu yang memaparkan identiti budaya, selain dijadikan sebagai aksesori untuk memperlihatkan kecantikan pemakai. Amalan pemakaian hiasan kepala ini dapat dilihat kepelbagaian dalam upacara adat istiadat dan aktiviti ekonomi serta sosial. Pengaruh daripada hubungan perdagangan, penjajahan, dan penghijrahan yang berterusan telah memberi impak kepada reka bentuk pemilihan motif serta cara pemakaiannya sehingga membentuk identiti budaya yang tersendiri.

Dari segi tuntutan agama, hiasan kepala digunakan sebagai simbol identiti, ibadah, dan kepercayaan bagi masyarakat yang berbilang agama di Malaysia. Di samping berfungsi sebagai penutup aurat, pakaian kepala, seperti tudung juga berupaya melindungi kepala daripada unsur alam yang boleh mengganggu kesihatan. Bremen Wong dari Sabah merupakan pakar reka bentuk arca dan topi dengan menerapkan hasil kreativiti dan menjadi sumber inspirasi bagi peminat hiasan kepala.

(Dipetik dan diubah suai: “*Hiasan Kepala Kecantikan dan Kuasa*”  
daripada Dewan Budaya, Ogos 2016)

- (1) Hiasan kepala terhasil daripada, **KECUALI ...**
  - (A) bunga, daun, rotan
  - (B) perak, emas, permata
  - (C) kain, benang, tenunan
  - (D) kulit, gigi, bulu binatang
  
- (2) Hiasan kepala dikenal pasti melalui ciri utama, iaitu ...
  - (A) sulaman, lipatan, bunjutan
  - (B) simpulan, ikatan, sulaman
  - (C) lipatan, ikatan, simpulan
  - (D) ikatan, sulaman, lipatan
  
- (3) Cerminan kelembutan dan jati diri dapat dilihat melalui ...
  - (A) penghayatan perasaan, pelengkap pakaian
  - (B) penghayatan perasaan, pemikiran, kelakuan
  - (C) penghayatan perasaan, amalan keagamaan
  - (D) penghayatan perasaan, sosiobudaya, istiadat
  
- (4) Hiasan kepala dipengaruhi daripada, **KECUALI ...**
  - (A) pelancongan
  - (B) perdagangan
  - (C) penghijrahan
  - (D) penjajahan
  
- (5) Bremen Wong merupakan ...
  - (A) pereka kasut
  - (B) pereka bangunan
  - (C) pereka hiasan dalaman
  - (D) pereka bentuk arca dan topi

- (ii) Baca berita di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan yang berikutnya.

**(5 Markah)**

PADANG TERAP, 16 Oktober–Konsep Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) yang menjadi elemen penting Pelan Pendidikan Malaysia (PPPM) diperluas ke semua sekolah dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang. Beliau berkata, tempoh lima hingga 10 tahun itu diperlukan berikutan usaha melengkapikan sekolah dengan elemen PAK-21 memerlukan kos yang tinggi, khususnya bagi tujuan pengubahsuaian kelas.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, “Perkara ini perlu dirancang dengan teliti untuk memastikan bahawa sekolah di luar bandar juga melalui elemen PAK-21 yang lebih interaktif dengan penggunaan papan pintar dan peranti, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah,”. Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Majlis Santau di Kampung Kubang Bemban, Kuala Nerang di sini, semalam. PAK-21 yang menekankan pembelajaran berpusatkan murid dan berunsurkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan dengan menyediakan bilik darjah bersesuaian dan disusuli penyediaan rancangan mengajar serta pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) abad ke-21.

Mengulas lanjut, Mahdzir berkata, untuk permulaan pihaknya akan memastikan bahawa setiap sekolah mempunyai sekurang-kurangnya satu kelas yang mempunyai kelengkapan PAK-21 agar pelajar dapat didedahkan dengan teknologi. Katanya, sehingga kini sudah terdapat sekolah yang mempunyai kelas PAK-21 yang dibiayai dengan kerjasama Persatuan Ibu Bapa dan guru (PIBG), selain persatuan alumni dan sektor swasta. “Ada juga sekolah berasrama penuh kebanyakannya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) yang mempunyai kelas pintar yang menerima sumbangan daripada pihak luar,” katanya.

(Dipetik dan diubah suai daripada “*Konsep PAK-21 bakal diperluas ke semua sekolah*” Berita Harian, 16 Oktober 2017)

- (1) Apakah yang dimaksudkan dengan PAK-21 ?
- (A) Pembelajaran Abad Ke-21
  - (B) Pengajaran Abad Ke-21
  - (C) Elemen Abad Ke-21
  - (D) Aspek Abad Ke-21

- (2) Mahdzir Khalid merupakan ...
- (A) Menteri Pendidikan
  - (B) Menteri Pelancongan
  - (C) Menteri Belia dan Sukan
  - (D) Menteri Jaringan Antarabangsa
- (3) Pendidikan yang ditekankan dalam PAK-21, ialah melalui ...
- (A) pelaksanaan pengajaran.
  - (B) pengajaran berpusatkan guru.
  - (C) pembelajaran berpusatkan murid.
  - (D) pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid.
- (4) Kenapa sekolah perlu melengkapkan sekurang-kurangnya satu kelas yang mempunyai ciri PAK-21?
- (A) Pelajar akan berfikiran kreatif.
  - (B) Pendedahan teknologi kepada murid.
  - (C) Pendedahan terhadap proses pembelajaran.
  - (D) Pelajar lebih bermotivasi untuk terus belajar.
- (5) Pernyataan di bawah adalah benar, **KECUALI**
- (A) terdapat kelas PAK-21 yang telah dibiayai oleh PIBG.
  - (B) PAK-21 menekankan pembelajaran berpusatkan guru.
  - (C) PAK-21 dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
  - (D) penerapan unsur KBAT serta penyediaan rancangan mengajar PAK-21.

(iii) Baca catatan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan berikutnya. **(5 Markah)**

Barangkali ramai yang tidak pernah mendengar tentang PyeongChang, yang merupakan sebuah daerah yang terletak dalam wilayah Gangwon, Korea Selatan.

Jika anda belum pernah mengunjungi PyeongChang sebelum ini, tarikh 9 hingga 25 Februari 2018 merupakan waktu yang tepat untuk meneroka wilayah Gangwon kerana bakal menjadi tuan rumah Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018 sepanjang tempoh berkenaan. Korea Selatan menjadi negara kedua selepas Jepun sebagai tuan rumah untuk Sukan Olimpik Musim Sejuk di rantau Asia, manakala PyeongChang merupakan bandar ketiga selepas Sapporo, Jepun (1972) dan Nagano, Jepun (1998) yang dipilih sebagai tuan rumah.

Berpeluang mengikuti lawatan ke wilayah Gangwong bersama Korea Tourism Organization (KTO) baru-baru ini, penulis dibawa ke lokasi penganjuran sukan besar itu untuk tujuan melihat proses persiapan lokasi serta penganjuran beberapa acara sukan sejuk percubaan di lokasi terlibat yang hanya berbaki kira-kira 11 bulan lagi sebelum dibuka untuk majlis perasmian. Wilayah Gangwon diliputi 82 peratus kawasan pergunungan, maka tidak hairanlah daerah PyeongChang menerima musim sejuk dan salji paling awal dan menjadi lokasi paling tepat untuk penganjuran sukan itu dengan suhu boleh mencapai sehingga paras-40C, manakala purata suhu pada Disember hingga Februari sekitar 0C hingga-18C.

Bagi yang kurang arif tentang penganjuran sukan musim sejuk, tidak perlu bimbang kerana terdapat sebuah pusat maklumat sukan dinamakan Rumah PyeongChang 2018 terletak di Pusat Konvensyen Bandar-Hijau, sebagai persediaan penganjuran Sukan Olimpik Musim Sejuk dan Paralimpik 2018. Patung maskot rasmi sukan itu, iaitu Soohorang (harimau putih) dan Bandabi (beruang hitam) diletakkan di pintu untuk menyambut kunjungan pelawat. *Tagline Passion, Connected* dipilih melatari penganjuran sukan yang membawa maksud simbol semangat tanpa melupakan keindahan budaya tradisional dan moden negara itu yang dihubungkan dengan teknologi canggih yang merentasi generasi. Antara acara yang bakal diadakan ialah ski Alpine, biathlon, bobsleigh, ski rentas desa, curling, figure skating, ski gaya bebas, hoki ais, luge, Nordic combined, short track speed skating, skeleton, ski jumping, snowboarding dan speed skating.

Pada lawatan itu, penulis turut berkesempatan melihat beberapa acara sukan percubaan Sukan Olimpik Musim Sejuk yang diadakan di lokasi itu yang telah bermula sejak November 2016 dan berakhir April depan dengan menyaksikan 17 acara untuk Sukan Olimpik Musim Sejuk dan lima acara untuk Paralimpik 2018 yang bakal berlangsung pada 9 hingga 18 Mac. Paling menarik apabila berpeluang menyaksikan ISU Four Continents figure Skating Championship 2017 yang berlangsung di Gangneung Ice Arena yang menampilkan acara sukan yang menggabungkan muzik, pergerakan dan keupayaan teknikal lancar.

Selain itu, rombongan media turut dibawa melihat penganjuran FIS Snowboard World Cup 2016/2017 di Phoenix Ski Resort yang melibatkan acara Snowboard Halfpipe. Atlet akan meluncur secara lintas bersilang di atas trek separa bulatan dengan mempamerkan pelbagai gerakan seperti melompat berpusing, dan berpintal di udara. Paling menarik apabila penulis berpeluang mengunjungi Yongpyong Resort yang merupakan antara resort terawal dibina di Korea Selatan, iaitu pada 1975 serta banyak menyumbang kepada industri sukan musim sejuk di negara itu.

Untuk mempromosikan penganjuran sukan itu, satu acara makan malam gala PyeongChang Tourism Night diadakan dengan kerjasama Kementerian Budaya, Sukan dan Pelancongan Korea dan KTO di Hotel Phoenix Park dengan seramai 150 orang penjual tiket berdaftar (ATR), agensi pelancongan dan media daripada 15 negara termasuk Amerika Syarikat, Jepun, Rusia dan lain-lain. Jika anda berhasrat untuk mengunjungi PyeongChang, jangan lupa membawa jaket tebal, sarung tangan dan kasut but anda untuk merasai pengalaman salju di bumi PyeongChang. Selamat datang ke PyeongChang!

(Dipetik dan diubah suai: “Annyeonghaseyo PyeongChang”  
Utusan Online, Mac 2017)

- (1) Di manakah tempat yang dilawati oleh penulis ?
  - (A) Yongpyong Resort
  - (B) Hotel Phoenix Park
  - (C) Phoenix Ski Resort
  - (D) PyeongChang
  
- (2) Bilakah tarikh yang bersesuaian untuk melawat PyeongChang?
  - (A) 9 hingga 25 Februari 2017
  - (B) 9 hingga 25 Februari 2018
  - (C) 9 hingga 25 Disember 2017
  - (D) 9 hingga 25 Disember 2018
  
- (3) Pusat maklumat sukan telah dibina untuk memudahkan pengunjung mendapat maklumat berkaitan sukan yang akan dijalankan. Apakah nama pusat tersebut ?
  - (A) Pusat Konvensyen Bandar-Hijau
  - (B) PyeongChang Tourism Night
  - (C) Rumah PyeongChang 2018
  - (D) Sukan Olimpik
  
- (4) Maskot bagi Sukan Olimpik Musim Sejuk dan Paralimpik 2018, ialah ...
  - (A) Soohorang (harimau hitam)
  - (B) Bandabi (beruang putih)
  - (C) Soohorang (harimau hitam) dan Bandabi (beruang putih)
  - (D) Soohorang (harimau putih) dan Bandabi (beruang hitam)

- (5) Pilih pernyataan yang **SALAH** berkaitan cacatan di bawah.
- (A) Acara sukan percubaan Sukan Olimpik Musim Sejuk telah bermula sejak Mac 2016.
  - (B) Yongpyong Resort merupakan antara resort terawal dibina di Korea Selatan, iaitu pada 1975
  - (C) PyeongChang Tourism Night diadakan dengan kerjasama Kementerian Budaya, Sukan dan Pelancongan Korea dan KTO.
  - (D) FIS Snowboard World Cup 2016/2017 di Phoenix Ski Resort yang melibatkan acara Snowboard Halfpipe.

### Bahagian B

[25 Markah]

#### SOALAN 2

- (i) Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis satu ringkasan **punca pencemaran air**. Panjang ringkasan hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan untuk menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan. **(5 Markah)**

Tahukah anda bahawa 70 peratus permukaan bumi diliputi air? Kita perlu sedar bahawa semua jenis kehidupan di muka bumi ini memerlukan air. Hal ini membuktikan bahawa air merupakan sumber mineral yang sangat berharga. Selain penting sebagai minuman, air digunakan untuk penjagaan kebersihan dan kesihatan. Walaupun kepentingan air diakui oleh semua pihak, namun kebanyakan sumber air di negara ini berhadapan dengan masalah pencemaran. Kini, terdapat pokok di kawasan yang berdekatan dengan sungai ditebang bagi tujuan pembangunan.

Keadaan ini menyebabkan berlakunya hakisan apabila hujan lebat. Sebagai akibatnya, air sungai semakin keruh dan cetek kerana dipenuhi bahan hakisan. Pencemaran air sukar dielakkan apabila terdapat individu yang sewenang-wenangnya mengabaikan tanggungjawab mereka terhadap kebersihan sungai. Golongan ini membuang sampah sarap ke dalam sungai sehingga menyebabkan sumber air berkenaan dipenuhi bahan buangan. Perkara ini tidak akan terjadi sekiranya mereka sedar bahawa tindakan tersebut hanya mendatangkan kesan buruk kepada diri mereka sendiri.

Tumpahan minyak daripada kemalangan kapal dan pembuangan sisa toksik oleh segelintir pemilik kilang menyebabkan pantai dan laut tidak dapat berfungsi sebagai kebiasaannya sekali gus menjejaskan kualiti air laut. Tambahan pula, terdapat sesetengah pihak yang sengaja membuang minyak ke dalam laut. Situasi ini amat dirasakan oleh golongan nelayan yang menjadikan laut sebagai tempat mencari nafkah untuk melayari bahtera kehidupan di alam fana. Bencana yang menimpa ini semakin menyukarkan kehidupan manusia yang hanya bergantung hidup pada kehidupan air.



Kewujudan tapak pelupusan sampah yang berdekatan dengan sumber air turut menjadi faktor penyebab pencemaran air di perut bumi. Keadaan ini memungkinkan peningkatan aras bahan ammonia dan bakteria. Kehadiran toksik ini bukan sahaja mencemarkan air tetapi juga memusnahkan hidupan di dalamnya, terutama hidupan laut. Hal ini akan mewujudkan ketidakseimbangan sistem ekologi yang terdapat dalam air. Selain itu, penggunaan racun serangga yang berlebihan juga telah menjejaskan kualiti air di kawasan sekitar ladang yang dimaksudkan. Apabila hujan turun, air hujan akan mengalirkan bahan toksik ke dalam sumber air yang berhampiran. Kesannya, kesihatan manusia yang menggunakan air tersebut akan terjejas, khususnya dalam jangka masa panjang.


(Dipetik dan diubah suai daripada rencana

“Tanggungjawab menjaga air”, *Dewan Masyarakat*,

Jun 2006)

- (ii) Berdasarkan rajah di bawah, anda dikehendaki menulis karangan tentang **kepentingan sukan**. Panjang huraian anda hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)



- (iii) Anda dikehendaki memilih **salah satu** karangan di bawah. Panjang karang yang perlu ditulis hendaklah **tidak melebihi 150 patah perkataan**.

(10 Markah)

- (a) Bincangkan *kebaikan dan keburukan amalan rumah terbuka* yang diadakan sempena sambutan hari perayaan.

**atau**

- (b) Anda merupakan Pengarah Kempen Derma Darah peringkat sekolah. Oleh itu, anda dikehendaki menyampaikan ucapan berkaitan “Kepentingan Menderma Darah”.

Tulisan satu *ucapan* berkaitan “Kepentingan Menderma Darah”.

**Bahagian C**

**[15 Markah]**

**SOALAN 3**

Susun semula frasa yang berikut supaya menjadi ayat yang lengkap.

**(5 Markah)**

- (i) Penubuhan Mahkamah Khas Siber yang cepat dan berkesan. jenayah siber kini amat tepat kerana trend memerlukan pengurusan kes

---

---

- (ii) yang terdedah kepada enzim pencernaan lebih tinggi. kerana luas permukaannya Makanan kunyahan yang kecil membolehkan makanan dihadamkan

---

---

- (iii) Program latihan atlet secara terancang negara yang berkualiti tinggi untuk dan bersistematik memberikan impak mencapai kejayaan dalam sukan. yang jelas serta menyediakan atlet

---

---

- (iv) dalam masyarakat dapat diperluas dengan mengetengahkan kelebihan pembangunan sains negara. tempatan dalam agenda Penerapan paradigma sains

---

---

- (v) dan pembawaan watak dalam teater. Teater berperanan melatih pelajar supaya lebih bermoral dan mempunyai nilai murni yang mencerminkan nilai kemelayuan melalui skrip

---

---

**SOALAN 4**

Pilih jawapan yang tepat.

**(5 Markah)**

- (1) Pak Zaki menjual \_\_\_\_\_ barangan di kedainya termasuklah barangan mentah seperti, ikan, sotong, daging, dan udang.

- (A)bagai  
(B)berbagai  
(C)pelbagai  
(D)pelbagai-bagai

- (2) Pada minggu lepas telah terjadi \_\_\_\_\_ daripada pekerja kilang yang tidak berpuas hati dengan majikan mereka.
- (A) rusuh
  - (B) rusuhan
  - (C) perusuh
  - (D) merusuhkan
- (3) Anjing Ronald \_\_\_\_\_ tulang yang dijumpai berhampiran dengan tempat pembuangan sampah.
- (A) menggigit
  - (B) menuntun
  - (C) mengheret
  - (D) menggonggong
- (4) Penyediaan kertas cadangan \_\_\_\_\_ dalam apa-apa juga program agar pelaksanaannya berjalan lancar.
- (A) penting
  - (B) terpenting
  - (C) paling penting
  - (D) paling penting sekali
- (5) Kamila akan menghadiri bengkel di Alor Setar pada minggu hadapan \_\_\_\_\_ bulan hadapan?
- (A) dan
  - (B) lalu
  - (C) atau
  - (D) kerana

### SOALAN 5

Pilih peribahasa atau maksud peribahasa yang paling sesuai bagi pernyataan di bawah.

(5 Markah)

- a. dalam tangan
- b. bagai pinang dibelah dua
- c. sehari selembat benang, lala-lama menjadi kain
- d. bagai aur dengan tebing
- e. seperti lembu dicucuk hidung

- (1) Muthusamy \_\_\_\_\_ apabila dia menurut sahaja kehendak yang diminta oleh ketuanya tanpa bantahan.

- (2) Kejayaan atlet negara semuanya \_\_\_\_\_ kerana telah nampak sinar kejayaan apabila bertemu dengan pasukan lawan yang tidak berapa cekap.
- (3) Alia bertungkus-lumus menyiapkan tugas yang telah diamanahkan kepadanya sehingga siap. Ini boleh disamakan dengan \_\_\_\_\_.
- (4) Semasa majlis persandingan, Alin dan Fitri telah menjadi buah mulut tetamu yang hadir kerana mereka \_\_\_\_\_.
- (5) Guru hendaklah menjalin hubungan yang erat dengan murid, di samping bekerjasama \_\_\_\_\_.

### Bahagian D

[25 Markah]

Bahagian ini terdiri daripada empat bahagian soalan. Anda dikehendaki menjawab semua soalan.

### SOALAN 6

Berdasarkan pantun di bawah, jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

### PANTUN BERKAIT (BEKERJA)

Perahu layar mudik ke pangkalan  
Sampai di pangkalan, memunggah  
larang; Wahai rakan, handai, dan taulan,  
Bangkit segera kita berjuang.

Sampai di pangkalan memunggah barang,  
Barang habis dibawa ke rumah;  
Bangkit segera kita berjuang,  
*Hapuskan semangat culas dan lemah.*

Habis barang dibawa ke rumah,  
Tiada satu tinggal di perahu;  
Hapuskan semangat culas dan lemah,  
Semua kerja mestilah tahu.

Tiada sati tinggal di perahu,  
Tidaklah bimbang barangkan hilang;  
Semua kerja mestilah tahu,  
Bajak, cangkul, tebas, dan tebang.

Tidaklah bimbang barangkan hilang,  
Semuanya ada dalam selamat;  
Bajak, cangkul, tebas, dan tebang,  
Semuanya dikerja dengan  
cermat.

Semuanya ada dalam selamat,  
Boleh disimpan turun-temurun;  
Dapat dikerjakan dengan cermat,  
Kerja yang berat tidaklah  
gerun.

Boleh disimpan turun-temurun,  
Itulah tanda barang yang  
berharga; *Kerja yang berat tidaklah  
gerun, Semuanya siap hati pun lega.*

Itulah tanda barang yang berharga,  
Payah dicari susah mendapat;  
Semuanya siap hati pun lega,  
Tiadalah tinggal terbuang penat.  
(Dipetik daripada Puisi Tradisional  
dalam *Antologi Harga Sebuah Lukisan:*  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Puisi tradisional di atas bertemakan ..
- (A) pertanian
  - (B) budaya masyarakat terdahulu
  - (C) aktiviti yang dijalankan oleh petani
  - (D) semangat dalam melakukan sesuatu pekerjaan

*Hapuskan semangat culas dan lemah*

- (ii) Ayat di atas dalam rangkap 2 membawa maksud ...
- (A) mengikis sikap malas
  - (B) laksanakan tanggungjawab
  - (C) kerja dilakukan tanpa ada sikap malas
  - (D) pekerjaan dilakukan dengan gembira dan teliti

*Kerja yang berat tidaklah gerun,  
Semuanya siap hati pun lega*

- (iii) Baris maksud dalam rangkap 7 telah menggambarkan persoalan ...
- (A) gigih berusaha dapat membuahkan hasil
  - (B) tekun dalam menjalankan sesuatu pekerjaan
  - (C) kerajinan penting dalam memastikan kesempurnaan
  - (D) cermat dalam melakukan pekerjaan tanpa banyak soal
- (iv) *Perahu layar, bajak, cangkul* termasuk dalam unsur gaya bahasa ...
- (A) asonansi
  - (B) unsur alam
  - (C) sinkope
  - (D) aliterasi
- (v) Nilai yang terdapat dalam puisi di atas, adalah seperti yang berikut, **KECUALI**
- (A) gigih
  - (B) kerajinan
  - (C) keberanian
  - (D) ketekunan

### SOALAN 7

- (i) Apakah tema sajak "*Kata-kata*" ?
- \_\_\_\_\_ (3 Markah)
- (ii) Apakah persoalan dalam "*Kata-kata*" ?
- \_\_\_\_\_ (3 Markah)
- (iii) Nyatakan dua pengajaran yang terdapat dalam "*Kata-kata*"?
- (a) \_\_\_\_\_
- (b) \_\_\_\_\_ (3 Markah)

## SOALAN 8

Baca cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan yang berikutnya.

(5 Markah)

Penempatan Ana di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Chat merupakan cabaran yang begitu besar baginya dalam profesion keguruannya. Tidak ada bahasa yang dapat digambarkan perihal perasaan hatinya kala itu, hanya air mata yang mampu menjelaskan segala-galanya yang tersurat dan yang tersirat.

Di dalam bilik darjah yang tidak begitu luas, Anan diamanahkan untuk membimbing murid tingkatan 3 sebanyak 25 orang. Sebagai guru tingkatan dan guru mata pelajaran, Ana berkesempatan untuk mengendalikan Milah secara dekat. Milah anak sulung daripada enam orang adik-beradik. Dia murid yang rajin dan aktif dalam sukan. Ibunya berkedai runcit secara kecil-kecilan, manakala ayahnya menangkap ikan sebagai mata pencarian.

Pada suatu pagi Sabtu, Ana seperti biasa mengadakan kelas tambahan untuk nauridnya sebagai persediaan untuk menghadapi PMR. Kelihatan Milah duduk bersendirian di sebuah bangku panjang di kantin sekolah sambil membuat latihan bahasa Inggeris. Rakan yang lain masih belum kelihatan lagi. Jam baru menunjukkan pukul 7.00 pagi. Kelas tambahan bermula pada jam 8.00 pagi.

Ana menghampiri Milah sambil bersuara, “Sudah serapan?”

“Sudah cikgu,” jawab Milah dengan ringkas. Ana berasa seronok setiap kali berbual dengan Milah, rasa kasih bercambah kejam seperti adik sendiri. Walaupun Milah tidak banyak bercakap tetapi dia ada daya tarikannya yang tersendiri. Kelincahannya dalam kokurikulum dan akademik bukan suatu yang mudah bagi gadis selembut Milah.

(Dipetik daripada cerpen *Mencari Nafas Baharu*,  
Antologi Harga Sebuah Lukisan, DBP, 2011)

- (i) Ana merupakan seorang \_\_\_\_\_.
- (A) guru
  - (B) petani
  - (C) pelukis
  - (D) pelajar
- (ii) Di manakah Ana ditempatkan untuk mengajar ?
- (A) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Chat
  - (B) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Chart
  - (C) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Cat
  - (D) Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Chat
- (iii) Apakah pekerjaan ayah Milah?
- (A) nelayan
  - (B) berkebun
  - (C) bercucuk tanam
  - (D) mencari hasil hutan

- (iv) Berikut merupakan pernyataan yang benar tentang Milah, **KECUALI ...**
  - (A) pandai dalam akademik
  - (B) aktif dalam kokurikulum
  - (C) akan menduduki peperiksaan SPM
  - (D) ibunya berkedai runcit secara kecilan
  
- (v) Apakah yang dibuat oleh Milah di kantin?
  - (A) membuat latihan matematik
  - (B) membuat latihan bahasa Inggeris
  - (C) membuat latihan bahasa Melayu
  - (D) membuat latihan kemahiran hidup

**SOALAN 9**

Berdasarkan kajian Antologi Harga Sebuah Lukisan, huraikan tema dan persoalan yang terdapat dalam cerpen "*Harga Sebuah Lukisan*". **(6 Markah)**

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

**KERTAS SOALAN TAMAT**